



TATACARA PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PERMIT KEBENARAN PENCITRAAN DAN PENAWANAN DATA/ PENGAMBARAN UDARA/PEMETAAN UDARA

Seperti mana pihak tuan/puan sedia maklum, Kerajaan sedang menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Fasa 1 di seluruh negara. Keadaan ini telah menyebabkan beberapa sektor ekonomi tidak dapat dijalankan seperti biasa. Lanjutan daripada itu, Jabatan ini telah menerima banyak permohonan untuk melanjutkan Permit Kebenaran Pencitraan dan Penawanan Data/Pengambaran Udara/Pemetaan Udara akibat daripada aktiviti ekonomi yang tidak dibenarkan beroperasi. Berikut merupakan tatacara permohonan lanjutan:

1. Pemohon perlu memajukan surat permohonan lanjutan tempoh permit dan dialamatkan kepada:

Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Wisma JUPEM, Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur
(u.p.: Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan)

2. Surat permohonan boleh dihantar melalui alamat e-mel nizan@jupem.gov.my atau shahyahya@jupem.gov.my.
3. Permohonan lanjutan tempoh permit hanya kepada permit yang masih sah sahaja. Sekiranya tempoh permit telah tamat, pemohon haruslah memohon permit kebenaran yang baharu.
4. Pemohon akan dimaklumkan berkenaan kelulusan permohonan lanjutan tempoh melalui telefon atau e-mel seperti yang tercatat dalam permit.
5. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pegawai Waren 1 Mohd Nizan bin Abd Aziz di talian 03-2617 0776 atau di alamat e-mel nizan@jupem.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN GEOSPASIAL PERTAHANAN
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**



www.jupem.gov.my



[@jupemKeTSA](https://www.facebook.com/jupemKeTSA)



[@jupemKeTSA](https://twitter.com/jupemKeTSA)



[jupemketsa](https://www.instagram.com/jupemketsa)